

22/05/1997

Pelantikan bukan untuk serah kuasa: Dr Mahathir

LONDON, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menjelaskan tindakannya melantik Datuk Seri Anwar Ibrahim memangku jawatan Perdana Menteri sepanjang percutiannya selama dua bulan, bukan sebagai persiapan untuk menyerahkan kuasa kepada timbalannya.

Perdana Menteri berkata, adalah tidak benar beliau berbuat demikian sebagai persiapan menyerahkan kuasa kepada Anwar.

"Tidak. Tidak benar ini (cuti panjangnya) adalah persiapan bagi menyerahkan kuasa (kepada Anwar). Bagaimanapun, pada suatu peringkat, saya akan berhenti daripada menjadi Perdana Menteri.

"Ini mungkin disebabkan faktor semula jadi atau secara sukarela. Tiada siapa yang kekal selama-lamanya walaupun selepas mati ...," katanya ketika menjawab soalan seorang wakil media asing pada sidang akhbar di sini, semalam.

Sidang akhbar itu penuh sesak dengan hampir 80 wakil media massa seluruh dunia, yang berpangkalan di Britain, di sini, semalam.

Dalam sidang akhbar itu Perdana Menteri lebih banyak ditanya mengenai Koridor Raya Multimedia (MSC). Beberapa wartawan secara terbuka menyatakan kagum dengan Malaysia dan Dr Mahathir selepas mendengar ucapannya sebelum itu.

Menjawab satu soalan lain, Perdana Menteri berkata, Malaysia tidak sekali-kali akan mengabaikan kepentingan budaya dan cara hidup rakyatnya apabila memberi kebebasan kepada syarikat yang beroperasi dalam MSC.

Sambil memberi contoh, katanya, kebebasan pergerakan maklumat tidak bermakna syarikat terbabit boleh melakukan apa saja yang boleh mencetuskan kebimbangan dan kekacauan di kalangan masyarakat berbilang bangsa di Malaysia.

"Kita sangat prihatin terhadap perkara yang boleh menimbulkan pertentangan dalam masyarakat Malaysia.

"Mereka bebas menerima maklumat tanpa tapisan, tetapi jika melakukan kegiatan bertentangan dengan undang-undang, tindakan akan diambil mengikut undang-undang yang ada," katanya.

"Ini tidak bermakna kita menyekat kebebasan pergerakan maklumat. Jika ia baik, tiada sebab tidak boleh disebar dan digunakan oleh rakyat Malaysia," katanya.

Kepada soalan lain, Perdana Menteri kerajaan telah mengambil langkah untuk memastikan tidak berlaku masalah tenaga dan telekomunikasi, seperti bekalan elektrik atau telefon terputus bagi membolehkan kegiatan dalam MSC dijalankan dengan lancar.

Dr Mahathir turut menafikan Telekom Malaysia Berhad memonopoli pembekalan infrastruktur dalam MSC.

(END)